


Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 22 No. 1 (2026)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Reassessing the Merits and Khawāṣ of Sūrah Yūsuf: A Critical Hadīth-Based Analytical Study**
- Author (s) : Syed Abdul Majid Ghouri, Nur Afifi Alit, Zulhilmi Mohamed Nor and Shumsudin Yabi
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia.
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.612>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 15, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Syed Abdul Majid Ghouri, Nur Afifi Alit, Zulhilmi Mohamed Nor, & Shumsudin Yabi. Reassessing the Merits and Khawāṣ of Sūrah Yūsuf: A Critical Hadīth-Based Analytical Study. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 18–34. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.612>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Kelebihan dan Khawas Surah Yusuf: Kajian Analisis Hadis

Reassessing the Merits and Khawāṣ of Sūrah Yūsuf: A Critical Hadith-Based Analytical Study

Syed Abdul Majid Ghouri*

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Nur Afifi Alit

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Zulhilmi Mohamed Nor

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Shumsudin Yabi

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Surah Yusuf merupakan antara surah yang paling indah dalam al-Quran al-Karim, yang menghimpunkan aspek kemukjizatan, tanda kebesaran Allah SWT, hukum-hakam, adab, pengajaran, akhlak serta rahsia ketuhanan yang tidak terdapat dalam surah lain. Para ulama menjelaskan bahawa antara maqāṣid utama surah ini ialah dorongan menggunakan akal secara rasional, galakan terhadap tadabbur, pembentukan kefahaman yang mendalam, pengukuhan keimanan, penyerahan sepenuhnya kepada Allah SWT ketika menghadapi musibah, serta penegasan terhadap keesaan-Nya. Selain itu, Surah Yusuf turut mempunyai kelebihan dan *khawas* yang dinyatakan dalam hadis sahih. Kajian ini menumpukan kepada analisis hadis berkaitan Surah Yusuf dengan memberi penekanan terhadap kelebihan dan *khawas*-nya berpandukaa hadis sahih, serta penilaian terhadap hadis palsu yang dinisbahkan kepadanya. Kajian ini menggunakan pendekatan induktif bagi pengumpulan hadis dan analitikal bagi menilai teks, hukum serta pengajaran

*Correspondence concerning this article should be addressed to Syed Abdul Majid Ghouri, Universiti Sains Islam Malaysia at samghouri@usim.edu.my

yang terkandung. Pengumpulan hadis dan penilaian dilakukan melalui kajian teks klasik dan pangkalan data hadis. Kajian ini dapat memenuhi kelomangan kajian lepas yang hanya tertumpu kepada kelebihan dan tidak menyatakan *khawas* surah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Surah Yusuf memiliki keistimewaan spiritual dan nilai pendidikan tinggi sebagaimana dijelaskan dalam hadis-hadis sahih. Penjelasan ini sekaligus dapat memperkukuh kefahaman terhadap maqasid dan keagungan mesej al-Quran.

Kata kunci: *Al-Khawas*, Surah Yusuf, kelebihan, kajian analisis hadis, Maqasid surah

Abstract

Sūrah Yūsuf occupies a distinctive position within the Qur'ānic corpus due to its comprehensive narrative structure, profound theological themes, and rich moral and pedagogical dimensions, which have long attracted scholarly attention. While previous studies have primarily emphasized its aesthetic and narrative excellence, limited attention has been given to a systematic hadith-based evaluation of its merits (*faḍā'il*) and distinctive properties (*khawāṣ*). This study aims to critically examine the hadith corpus related to *Sūrah Yūsuf*, with particular focus on authentic narrations that articulate its virtues and unique characteristics, alongside a rigorous assessment of weak and fabricated reports attributed to it. Employing an inductive approach, relevant hadiths were collected from classical sources and contemporary hadith databases, followed by an analytical methodology to evaluate their chains of transmission, textual integrity, and inferred meanings. The findings reveal that, contrary to widespread assumptions, there is no explicitly authentic hadith that specifically establishes the virtues of *Sūrah Yūsuf*; rather, its merit is subsumed within broader classifications of Qur'ānic chapters, particularly among the *Mi'ān*. Furthermore, many widely circulated narrations concerning its *khawāṣ* are demonstrably fabricated or lack credible transmission. Nonetheless, authentic reports and *athār* indicate its profound spiritual impact, especially as a source of consolation, moral formation, and reinforcement of *tawhīd*, *sabr*, and *tawakkul*. The study argues that a critical hadith-based reassessment is essential to purify the discourse surrounding Qur'ānic virtues from unfounded claims, thereby aligning devotional practice with sound Prophetic guidance. This contributes to a more nuanced understanding of the *maqāṣid* of *Sūrah Yūsuf* and underscores its enduring relevance as a source of ethical and spiritual cultivation grounded in authentic Islamic scholarship.

Keywords: *Al-Khawas*, *Sūrah Yūsuf*, Virtues, Hadith Analytical Study, Objectives of the Surah, *Maqāṣid*.

1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian:

Surah Yusuf merupakan antara surah yang paling agung dalam al-Quran al-Karim. Tiada surah lain yang seumpamanya diturunkan, kerana ia mengandungi kisah yang paling indah (Ahsan al-Qasas). Membacanya dapat menghilangkan kesedihan dan duka cita apabila seseorang meneliti dan mengambil pengajaran daripada kisah-kisah yang paling indah, perubahan keadaan dari satu situasi ke situasi lain, dari ujian kepada nikmat, dari kehinaan kepada kemuliaan, dari perhambaan kepada kemerdekaan, dari kelapangan kepada kesempitan, dari perpisahan kepada pertemuan dan kesatuan, dari kesedihan kepada kegembiraan, dari keresahan kepada ketenangan, dari kesukaran kepada kemudahan, dari kesempitan kepada keluasan, serta dari penolakan kepada pengakuan. Maha Suci Allah yang menceritakan kisah tersebut dengan sebaik-baiknya, menjelaskannya serta memperincikannya (Al-Sa'di, 2000).

1.2 Struktur Kajian:

Kajian ini membincangkan hadis-hadis yang diriwayatkan mengenai keutamaan surah Yusuf serta penjelasan tentang *khawasnya*. Perbahasan dimulakan dengan meneliti tempat dan sebab penurunannya, bilangan ayat, perkataan dan hurufnya. Kemudian kupasan menyentuh tentang nama-nama surah ini dan maknanya. Seterusnya kajian menumpukan perhatian kepada himpunan hadis-hadis sahih yang menjelaskan khawas Surah Yusuf, diikuti dengan perbincangan hadis-hadis palsu mengenainya, termasuk penjelasan tentang khawas surah ini berdasarkan hadis-hadis sahih. Akhirnya, dakwaan-dakwaan palsu serta kepercayaan khurafat yang dikaitkan dengannya turut dibawa. Kepercayaan yang jelas bertentangan dengan akidah Islam, tidak selaras dengan prinsip-prinsip syarak dan bercanggah dengan adab-adab yang ditetapkan oleh sunnah.

Kajian ini terdiri daripada pendahuluan, tiga bahagian utama, kesimpulan, serta senarai sumber dan rujukan. Bahagian-bahagian tersebut merangkumi beberapa subtopik seperti berikut:

Bahagian Pertama: Pengenalan surah, tempat penurunannya, bilangan ayat, perkataan dan hurufnya, nama-namanya, serta objektif utama (maqāsid) surah ini.

Bahagian Kedua: Hadis-hadis tentang keutamaan (fadha'il) Surah Yusuf merangkumi hadis sahih, dhaif dan maudhu' (palsu).

Bahagian Ketiga: Khawās Surah Yusuf. Ia diakhiri dengan penutup dan senarai rujukan.

2. PENGENALAN SURAH, TEMPAT PENURUNANNYA, BILANGAN AYAT, PERKATAAN DAN HURUFNYA, NAMA-NAMANYA, SERTA OBJEKTIF UTAMA (MAQASID) SURAH

2.1 Pengenalan Surah

Surah Yusuf merupakan surah yang ke-12 dalam susunan mushaf al-Quran, dan surah ke-53 dalam urutan penurunannya. Ia diturunkan selepas Surah Hud dan sebelum Surah al-Hijr. Surah ini mengandungi kisah Nabi Yusuf AS, iaitu anak bongsu kepada Nabi Ya'qub AS. Nabi Ya'qub AS dikurniakan dua belas orang anak lelaki, dan enam daripadanya hasil perkahwinan dengan isteri pertama beliau, iaitu sepupunya Liyā binti Liān. Setelah isterinya itu meninggal dunia, Baginda berkahwin dengan adik kepada isterinya iaitu Rāḥīl, dan daripada perkahwinan ini lahirlah dua orang anak lelaki, iaitu Binyamin dan Yusuf yang merupakan anak bongsu. Empat orang anaknya yang lain pula lahir daripada dua orang hamba perempuan beliau bernama Zulfah dan Balhah (Al-Ṭawīl, t.t).

Kisah Nabi Yusuf AS digambarkan dalam al-Quran sebagai “kisah yang paling indah” sebagaimana firman Allah SWT:

﴿نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ﴾ [يوسف: 3]

Maksudnya: “Kami menceritakan kepadamu kisah yang paling indah” (Surah Yusuf, 12:3)

Hal ini kerana kisah tersebut sarat dengan pelbagai pengajaran, hikmah dan teladan. Seorang tabi'i bernama Khālid bin Ma'dān al-Kalā'ī al-Ḥimsī (wafat 103H) berkata: “Surah Yusuf dan Surah Maryam merupakan dua surah yang akan dijadikan hiburan oleh penghuni syurga di dalam syurga” (Al-Ṣābūnī, 1402H). Manakala tabi'i lain, 'Aṭā' bin Abī Rabāḥ al-Qurashī al-Makkī (wafat 114H) berkata: “Tiada orang yang sedang bersedih mendengar Surah Yusuf melainkan dia akan berasa tenang selepas itu”(Al-Ṣābūnī, 1402H).

Kisah Nabi Yusuf AS merupakan satu-satunya kisah yang disebut secara lengkap melalui satu surah sahaja dalam al-Quran.

Surah ini menceritakan kisah baginda bersama saudara-saudaranya dan bagaimana Baginda menghadapi saudara-saudaranya yang bersekongkol untuk menjatuhkannya, kemudian mencampakkannya ke dalam telaga, sebelum beliau dijual kepada penguasa Mesir. Ia turut mengisahkan ujian yang dihadapinya di rumah penguasa tersebut, dalam penjara, serta fitnah dan tipu daya para wanita, sehinggalah Allah SWT menyelamatkan Baginda daripada kesempitan dan mengangkat kedudukannya sebagai pemerintah Mesir yang diberi kuasa menguruskan perbendaharaan negeri. Surah ini diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai penghibur dan penguat semangat setelah Baginda berhadapan dengan kesedihan yang mendalam

akibat kematian bapa saudaranya Abu Ṭālib dan isteri Baginda Khadijah RA, serta tekanan hebat daripada kaum Quraisy (Al-Ṣābūnī, 1402H).

2.2 Tempat Penurunan Surah

Surah Yusuf adalah surah Makkiyyah, yang diturunkan pada ‘Ām al-Ḥuzn (Tahun Kesedihan) iaitu tahun di mana bapa saudara Nabi SAW, Abu Ṭālib, meninggal dunia, dan pada tahun yang sama juga isteri Baginda, Umm al-Mu’minin Khadijah RA wafat. Dalam tempoh itu, tekanan dan penderitaan yang dihadapi oleh Rasulullah SAW sangat berat; kaum musyrikin Mekah semakin berani menyakiti dan menghina Baginda. Ketika Baginda berada dalam kesedihan yang mendalam dan kesunyian yang panjang, iaitu pada waktu Bai’ah al-Aqabah pertama dan kedua; Allah SWT menurunkan surah ini sebagai penghibur hati Nabi SAW, serta sebagai sumber iktibar dan pengajaran melalui kisah yang terkandung di dalamnya. Surah Yusuf juga menyeru agar bersabar dalam menghadapi ujian, sebagaimana kesabaran para nabi AS dan rasul AS sebelum ini (Ibn Kathīr, 1419H).

2.3 Bilangan Ayat, Perkataan dan Huruf dalam Surah

- 2.3.1. Bilangan Ayat: Surah ini mengandungi 111 ayat, menurut kesepakatan ulama.
- 2.3.2. Bilangan Perkataan: Surah ini terdiri daripada 1,996 perkataan.
- 2.3.3. Bilangan Huruf: Surah ini mengandungi 7,170 huruf.

2.4 Nama-nama Surah dan Sebab Penamaannya:

2.4.1 Nama-nama yang diambil daripada sumber wahyu: Surah ini hanya mempunyai satu nama yang diambil secara tauqīfi, iaitu Surah Yusuf. Nama ini telah dikenal pasti sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat RA, dan ia merupakan nama yang digunakan dalam mushaf al-Quran, kitab tafsir, serta buku hadis. Tiada sebarang riwayat yang menunjukkan surah ini dikenali dengan nama lain (Al-Dawsarī, 1429H).

2.4.2. Nama-nama yang diambil daripada hasil ijtihad ulama: Surah ini tidak mempunyai nama yang diambil secara ijtihādi yang lain, selain daripada nama yang masyhur tersebut.

2.5 Objektif Utama (Maqasid) Surah Yusuf

Surah Yusuf mengandungi pelbagai objektif yang mendalam, antaranya:

- 2.5.1. Menyeru kepada penggunaan akal, tadabbur dan pemerhatian yang mendalam.

Allah SWT berfirman:

﴿لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾ [يوسف: 2]

Maksudnya: “Agar kamu berakal.” (Surah Yusuf, 12:2)

Ia membawa erti supaya manusia berfikir terhadap tanda-tanda dan kisah-kisah yang diturunkan oleh Allah, serta merenungi akibat sesuatu peristiwa bukan hanya pada zahirnya, tetapi juga pada kesan dan hikmahnya di dunia dan akhirat.

2.5.2. Mengukuhkan keimanan kepada Allah SWT, menyeru kepada tawakal yang sempurna serta menyerahkan segala urusan kepada-Nya.

Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَعَلَيْهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُتَوَكِّلُونَ﴾ [يوسف: 67]

Maksudnya: “Segala hukum hanyalah milik Allah. Kepada-Nya aku bertawakal, dan kepada-Nya hendaklah orang yang bertawakal berserah”. (Surah Yusuf, 12:67)

Ayat ini menegaskan bahawa manusia wajib berusaha sebaik mungkin, namun pada masa yang sama tetap perlu berserah diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

2.5.3. Menanam sifat redha terhadap qada' dan qadar Allah, serta yakin bahawa setiap ujian mengandungi hikmah dan kurnia Allah. Musibah, bala dan ujian merupakan lembaran ketentuan Tuhan selagimana seseorang hamba sabar, reda, dan terus berharap kepada rahmat Allah, tanpa berputus asa. Bahkan begitu mengharap kemenangan daripada Allah dan dibebaskan daripada kesukaran oleh-Nya. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّهُ لَا يَبْئَسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ﴾ [يوسف: 87]

Maksudnya: “Sesungguhnya tiada yang berputus asa daripada rahmat Allah melainkan kaum yang kafir.” (Surah Yusuf, 12:87)

Surah ini menggambarkan dengan jelas elemen tersebut melalui permulaan ujian ke atas Nabi Yusuf AS dari telaga ke penjara, dan dari penjara ke istana seterusnya kepada pemerintahan. Begitu juga ayahandanya Nabi Ya'qub AS yang menjadi contoh tertinggi dalam sifat reda, sabar, dan harapan yang tidak pernah pudar.

2.5.4. Menjelaskan bahaya sifat hasad dengki.

Surah ini menunjukkan bahawa sifat hasad tidak mendatangkan kebaikan kepada sesiapa pun, bahkan membawa kehinaan dan kebinasaan kepada

pelakunya. Kadangkala, Allah menjadikan hasad itu sendiri sebagai sebab peningkatan darjat orang yang dizalimi.

2.5.5. Menyeru kepada tauhid dan menolak syirik.

Surah ini menegaskan seruan bahawa hanya Allah SWT yang layak disembah, serta menjadi contoh kepada agama para nabi terdahulu iaitu Nabi Ibrahim, Ishaq dan Ya'qub AS.

2.5.6. Menonjolkan akhlak yang mulia dan sifat terpuji.

Antara nilai yang dapat dipelajari daripada Surah Yusuf ialah keikhlasan, kejujuran, ihsan, maruah diri, kemurahan hati, kemaafan, kesabaran, kebijaksanaan, dan ilmu, di mana kesemuanya terpancar melalui peribadi Nabi Yusuf AS (Al-Qarhdāghī, 2018).

Selain daripada objektif yang telah dijelaskan, surah ini turut mengandungi pelbagai tujuan dan pengajaran lain yang mulia, menjadikannya antara surah yang paling agung dalam membentuk keteguhan iman, akhlak dan jiwa umat Islam.

3. HADIS-HADIS TENTANG KEUTAMAAN (FAḌĀ'IL) SURAH YUSUF

3.1. Takrif “Faḍā'il” dari Segi Bahasa dan Istilah

Secara bahasa, perkataan faḍā'il (الفَضَائِل) ialah jamak kepada faḍīlah (فضيلة), yang bererti lawan kepada naqīṣah (نقصية), iaitu kekurangan atau kelemahan. Ia membawa makna darjat yang tinggi dalam kelebihan atau keutamaan (Ibn Manẓūr, t.t). Manakala dari segi istilah, faḍā'il al-Qur'an merujuk kepada segala yang menjelaskan kemuliaan al-Qur'an al-Karim serta keistimewaan surah-surah dan ayat-ayatnya, termasuk manfaatnya dari segi duniawi dan ukhrawi (Al-Huwaymil, 1429H).

3.2. Hadis Sahih tentang Keutamaan Surah Yusuf

Secara umumnya tiada hadis yang menyebut dengan jelas kelebihan surah Yusuf secara khusus. Tetapi kelebihan dan keutamaan surah ini termasuk di dalam keutamaan surah-surah dalam al-Quran yang memiliki ciri-ciri tertentu.

Diriwayatkan daripada Wāthilah bin al-Asqa' bahawa Nabi SAW bersabda:

أُعْطِيَتْ مَكَانَ التَّوْرَةِ السَّبْعَ، وَأُعْطِيَتْ مَكَانَ الزَّبُورِ الْمِئِينَ، وَأُعْطِيَتْ مَكَانَ الْإِنْجِيلِ الْمِئَاتِي، وَفُضِّلَتْ
بِالْمُفْصَلِ

“Aku telah diberi dengan tujuh (surah) sebagai ganti kepada kitab Taurat, dan surah-surah al-Miayn sebagai ganti kepada kitab Zabur, dan surah-surah yang berulang (al-Mathānī) sebagai ganti kepada kitab Injil, serta aku dilebihkan dengan surah-surah al-Mufaṣṣal.”(Aḥmad ibn Ḥanbal, 1429H). Hadis ini dihukumkan sebagai hasan oleh Sheikh Syu’aib al-Arnaut.

Maksud ‘Tujuh surah’ ialah tujuh surah terawal, atau tujuh surah yang panjang, iaitu surah-surah daripada Surah al-Baqarah sehingga Surah al-Anfal atau Surah al-Taubah.

Surah-surah al-Miayn: Daripada Surah Yunus sehingga Surah al-Hujurat atau sehingga Surah Qaf. Surah yang diulang-ulang ialah Surah al-Fatihah, disebut juga ia setiap surah selain al-Miayn. Al-Mufassal: Daripada Surah al-Hujurat sehingga Surah al-Nas (Al-Zurqani, 1943).

Surah Yusuf termasuk di dalam kategori surah al-Miayn yang memiliki keutamaan sebagai ganti kepada kitab Zabur.

Dalam hadis ini, Rasulullah ﷺ telah menjelaskan kepada kita tentang kemuliaan yang Allah ‘Azza wa Jalla berikan kepada Baginda serta umatnya. Dia telah mengurniakan kepada Nabi Muhammad ﷺ sesuatu yang tidak pernah diberikan kepada mana-mana nabi sebelumnya, dengan menjadikan al-Quran al-Karim menyamai dan menghimpunkan kandungan pelbagai kitab samawi terdahulu, bahkan ia merupakan kitab yang menguasai dan membenarkan kitab-kitab sebelumnya. Hal ini sebagaimana firman Allah Ta’ālā:

﴿وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ﴾ [المائدة: 48]

Maksudnya:“Dan Kami telah menurunkan kepadamu al-Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, yang membenarkan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan menjadi pemelihara terhadapnya.” (Surah al-Mā’idah, 5:48)

Antara kelebihan surah ini adalah Allah SWT telah mengurniakan kepada Nabi Muhammad SAW (السَّبْعُ الطَّوَال) sebagai ganti kepada kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa A.S., surah-surah (المئين) sebagai ganti kepada kitab Zabur yang diturunkan kepada Nabi Daud A.S., dan surah-surah (المثاني) sebagai ganti kepada kitab Injil yang diturunkan kepada Nabi Isa A.S. Dengan demikian, Allah ‘Azza wa Jalla telah memuliakan Nabi kita Muhammad ﷺ di

atas seluruh para nabi dengan keutamaan yang tiada bandingannya (Al-Huwaymil, 1429H).

3.3. Hadis-Hadis Da'if tentang Keutamaan Surah Yusuf

Hasil penelitian terhadap sumber-sumber utama hadis menunjukkan tiada hadis yang berstatus da'if berkaitan dengan keutamaan (faḍā'il) Surah Yusuf yang diriwayatkan secara khusus.

3.4. Hadis-Hadis Maudhu' (Palsu) tentang Keutamaan Surah Yusuf

Terdapat beberapa riwayat yang dikategorikan sebagai maudhu' (palsu) berhubung dengan keutamaan Surah Yusuf. Antaranya:

3.4.1. Riwayat daripada Ubayy bin Ka'b RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلِّمُوا أَرْقَاءَكُمْ سُورَةَ يُوسُفَ؛ فَإِنَّهُ أَيُّمَا امْرَأَةٍ مُسْلِمٍ تَعَلَّمَ سُورَةَ يُوسُفَ وَعَلَّمَهَا مَا مَلَكَت يَمِينُهُ وَأَهْلُهُ؛ هَوَّنَ اللَّهُ عَلَيْهِ سَكَرَاتِ الْمَوْتِ، وَأَعْطَاهُ مِنَ الْقُوَّةِ أَنْ لَا يَجْسُدَ مُسْلِمًا

“Ajarlah hamba-hamba kamu Surah Yusuf, kerana sesiapa dari kalangan individu muslim yang mempelajarinya dan mengajarkannya kepada keluarga dan hambanya, Allah akan memudahkan baginya sakaratul maut serta mengurniakannya kekuatan agar tidak dengki kepada sesama Muslim.”

Hadis ini merupakan sebahagian daripada hadis panjang yang berstatus palsu, dinisbahkan kepada Ubayy ibn Ka'b RA tentang kelebihan surah-surah al-Qur'an. Ia diriwayatkan oleh Abū al-'Abbās Ja'far ibn Muḥammad al-Mustaghfirī (2006). Al-Sakhāwī (2003) berkata: “Ia ialah hadis mawḍū. ‘Ali al-Syaukani juga menyatakan: Tiada khilaf di kalangan para imam hufaz bahawa hadis Ubay bin Ka'ab ialah mawḍū.

3.4.2. Riwayat al-Ghāfiqī bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ يُوسُفَ، وَعَلَّمَهَا أَهْلَهُ؛ هَوَّنَ اللَّهُ عَلَيْهِ سَكَرَاتِ الْمَوْتِ

“Sesiapa membaca Surah Yusuf dan mengajarkannya kepada keluarga, Allah akan memudahkan baginya sakaratul maut.” (al-Ghāfiqī, 1418H).

3.4.3. Riwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مَرَرْتُ بِهَذِهِ الْآيَةِ مِنْ سُورَةِ يُوسُفَ؛ قَوْلِ كَبِيرِ آلِ يُوسُفَ: ﴿فَلَنْ أُبْرَحَ الْأَرْضَ حَتَّى يَأْذَنَ لِي أَبِي أَوْ يَحْكُمَ اللَّهُ لِي﴾ وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ ﴿[يوسف: 80]، إِلَّا وَقَفْتُ. وَمَا مَرَرْتُ بِقَوْلِ

يُوسُفَ: ﴿ارْجِعْ إِلَىٰ رَبِّكَ فَأَسْأَلُهُ مَا بَأَلِ النَّسْوَةِ اللَّائِي قَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ ۗ إِنَّ رَبِّي بِكَيْدِهِنَّ عَلِيمٌ﴾
[يوسف: 50]، إِلَّا عَجِبْتُ.

“Tidaklah aku melalui ayat ini dalam Surah Yusuf iaitu ucapan ketua keluarga Yusuf yang bermaksud: (‘Aku tidak akan meninggalkan negeri ini sehingga ayahku mengizinkan aku, atau Allah menetapkan keputusan bagiku, dan Dia sebaik-baik pemberi hukuman), melainkan aku berhenti membacanya. Dan tidaklah aku melalui firman Yusuf AS yang bermaksud: (‘Kembalilah kepada tuhanmu dan tanyalah kepadanya, apakah alasan wanita-wanita yang telah melukai tangan mereka itu; sesungguhnya Tuhanku Maha Mengetahui tipu daya mereka’), melainkan aku merasa takjub.” (al-Ghāfiqī, 1418H).

3.4.4. Riwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُلَقِّنُوا النِّسَاءَ سُورَةَ يُوسُفَ، وَلَقِّنُوهُنَّ سُورَةَ النُّورِ

“Janganlah kamu ajarkan kepada wanita Surah Yusuf, tetapi ajarkanlah mereka Surah al-Nur.” (al-Ghāfiqī, 1418H).

4. KHAWĀṢ SURAH YUSUF

4.1 Pengertian Perkataan al-Khawāṣ dari Sudut Bahasa dan Istilah

4.1.1. Dari sudut bahasa: Perkataan al-Khawāṣ (الْخَوَاصُّ) adalah bentuk jamak bagi perkataan khāṣṣah (خاصَّة), yang berlawanan maknanya dengan al-‘Āmmah (العامة). Huruf ḥā’ pada perkataan ini berfungsi sebagai penegasan. Ungkapan khāṣṣatu al-shay’ (خاصَّةُ الشَّيْءِ) bermaksud sesuatu yang khusus baginya dan tidak terdapat pada selainnya. Adapun perkataan al-khāṣṣiyah (الخاصِّيَّة) adalah kata yang dinisbahkan kepada al-khāṣṣah (Al-Fayrūzābādī, t.t.).

4.1.2. Dari sudut istilah: Istilah Khawāṣ al-Qur’ān membawa maksud kesan atau pengaruh yang terhasil daripada al-Qur’an, sama ada daripada keseluruhan surah atau sebahagian ayatnya, yang dapat memberikan manfaat, menolak mudarat, menjadi penyembuh bagi penyakit, memberi hidayah kepada seseorang, atau membantu dalam memenuhi hajat tertentu (Al-Huwaymil, 1429H).

Menurut Syaikh Muhammad Ahmad Ma’bad, istilah Khawāṣ al-Qur’ān merujuk kepada ayat atau surah tertentu dalam al-Qur’an yang digunakan

bagi tujuan penyembuhan pesakit, memenuhi hajat seseorang, atau tujuan seumpamanya. Jika kata-kata manusia mampu memberikan manfaat, maka kalam Allah SWT lebih utama dan lebih berhak untuk memberikan manfaat, kerana ia datang daripada Tuhan Yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji. Kebanyakan kelebihan atau khawāṣ yang dikaitkan dengan surah-surah tertentu merupakan hasil daripada pengalaman dan amalan golongan salihin, atau berdasarkan petunjuk yang disampaikan oleh Nabi SAW dalam hadis-hadis Baginda.

Fokus utama dalam perbincangan ini ialah penggunaan al-Qur'an sebagai medium penyembuhan. Justeru, khawāṣ al-Qur'ān al-Karīm juga boleh difahami sebagai kesan atau hasil daripada pembacaan atau penulisan surah-surah dan ayat-ayat tertentu ketika berlakunya sesuatu peristiwa. Hasil daripada pembacaan atau penulisan ayat dan surah tersebut, seseorang memperoleh penyelesaian, jalan keluar, penyembuhan, jawapan bagi persoalan yang sukar, atau perlindungan daripada sesuatu perkara.

Dalam pada itu, usaha menjadikan al-Qur'an sebagai alat penyembuhan dikenali sebagai al-Ruqyah al-Syar'iyah, iaitu rawatan yang berpaksikan kepada bacaan ayat-ayat al-Qur'an. Penyembuhan sesuatu penyakit dapat diperoleh melalui pembacaan surah-surah tertentu yang memiliki kelebihan khusus sebagaimana yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada pembacanya. Namun, penyembuhan ini juga bergantung pada keikhlasan hati, kekuatan keyakinan, dan keteguhan tawakal seseorang kepada Allah SWT (Al-Huwaymil, 1429H).

4.2 Khawas Surah Yusuf Berdasarkan Hadis-hadis Sahih

Keistimewaan Surah Yūsuf terserlah apabila ia termasuk dalam kelompok surah (المئين) yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebagai ganti kepada kitab Zabur, iaitu kitab yang diturunkan kepada Nabi Dāwūd AS.

Sebagaimana yang telah dijelaskan, Surah Yūsuf diturunkan pada tahun kesedihan ('Ām al-Ḥuzn), iaitu tahun ketika Nabi SAW kehilangan bapa saudaranya yang banyak berjasa, Abu Ṭālib, serta isteri yang amat dikasihi, Khadījah binti Khuwaylid RA. Penurunan surah ini telah menghilangkan kedukaan dan kesedihan yang menyelubungi hati Baginda SAW. Oleh itu, Surah Yūsuf berfungsi sebagai penenang, penghibur, dan pengukuh hati Rasulullah SAW.

Disebabkan hal tersebut, sebahagian ulama berpandangan bahawa membaca Surah Yūsuf amat digalakkan bagi mereka yang sedang dirundung kesedihan

dan kegelisahan, kerana surah ini mengandungi pelbagai rahsia tentang kelapangan selepas kesempitan dan kemudahan selepas kesusahan.

Keistimewaan surah ini turut terbukti melalui amalan para sahabat RA yang gemar membacanya, khususnya dalam solat Subuh. Antaranya ialah 'Umar bin al-Khaṭṭāb dan 'Uthmān bin 'Affān RA. Sebuah athar yang sahih diriwayatkan daripada al-Ṣaḥābī al-Furāfiṣah bin 'Umayr al-Ḥanaḥī al-Madanī bahawa beliau berkata: "Aku tidak mempelajari Surah Yūsuf melainkan daripada bacaan 'Uthmān bin 'Affān dalam solat Subuh, kerana kerap kali beliau mengulang-ulang bacaannya" (Malik bin Anas, 1985).

Selain itu, sebuah athar yang dihukumkan sahih oleh Abdullah al-Turki, diriwayatkan daripada al-Tābiī 'Alqamah bin Waqqāṣ al-Laythī al-Madanī bahawa beliau berkata: "'Umar bin al-Khaṭṭāb RA membaca Surah Yūsuf dalam solat Isyak. Aku berada di saf paling belakang, dan apabila tiba ayat yang menyebut tentang Nabi Yusuf AS, aku mendengar tangisannya dari belakang saf" (Al-Bayhaqī, 2011). Begitu juga sebuah athar yang sahih daripada 'Abd Allāh bin 'Āmir bin Rabī'ah al-'Anzī al-Madanī (w. 85H), beliau berkata: "Aku tidak menghafaz Surah Yūsuf dan Surah al-Ḥajj melainkan daripada 'Umar, kerana sering beliau membaca kedua-duanya dalam solat Subuh dengan bacaan yang perlahan dan penuh penghayatan" ('Abd al-Razzāq al-Ṣan'ānī, 1970).

Oleh itu, daripada kesemua riwayat ini, jelas bahawa Surah Yūsuf mempunyai nilai kerohanian yang tinggi dan membawa ketenangan serta penghiburan kepada hati yang duka. Ia menjadi pedoman bagi setiap Muslim agar merenungi dan memahami maknanya dengan mendalam, serta mengamalkan pengajaran dan ibrah yang terkandung di dalamnya (Al-Huwaymil, 1429H).

4.3 Riwayat Palsu dan Khurafat Mengenai Khawas Surah Yusuf

Abu al-Sa'ādāt 'Abd Allāh bin As'ad al-Yāfiī (1377H) dalam kitabnya al-Durr al-Nazīm fī Khawāṣ al-Qur'ān al-'Azīm menyebut beberapa riwayat yang dikaitkan dengan Surah Yūsuf. Antaranya beliau menulis:

"إِنَّ مَنْ كَتَبَهَا وَشَرَّهَا، وَسَأَلَ اللَّهَ الرَّزْقَ وَالْحَظْوَةَ عِنْدَ جَمِيعِ النَّاسِ؛ بَلَغَ ذَلِكَ. وَإِذَا كَتَبَهَا الرَّجُلُ وَعَلَّقَهَا عَلَيْهِ فِي حِرْزٍ؛ تُحِبُّهُ زَوْجَتُهُ مَحَبَّةً شَدِيدَةً"

Maksudnya: "Sesiapa yang menulis Surah Yūsuf, kemudian melarutkannya dan meminumnya sambil memohon rezeki dan kemuliaan di sisi manusia, nescaya dia akan memperolehnya. Dan jika seorang lelaki menulisnya lalu menggantungkannya pada tubuhnya, isterinya akan mencintainya

dengan cinta yang sangat mendalam”. Beliau turut menyebut beberapa ayat berikut:

﴿قَالُوا تَاللَّهِ لَقَدْ آتَرَكَ اللَّهُ عَلَيْنَا وَإِنْ كُنَّا لَحَاطِئِينَ (91) قَالَ لَا تَثْرِيبَ عَلَيْكُمُ الْيَوْمَ ۚ يَعْفُورُ اللَّهُ لَكُمْ ۖ وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ (92) اذْهَبُوا بِقَمِيصِي هَذَا فَأَلْفُوهُ عَلَىٰ وَجْهِ أَبِي يَأْتِ بَصِيرًا وَأْتُونِي بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ﴾
(Surah Yusuf, 12: 91-93)

Menurutnya, ayat-ayat ini mempunyai khasiat untuk menghilangkan rabun atau penyakit mata yang gagal dirawat oleh doktor (Abu al-Sa‘ādāt al-Yāfi‘ī, 1377H).

Selain itu, Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Umar al-Dayrībī al-Azharī (t.t) dalam kitabnya *Fath al-Malik al-Majīd al-Mu‘allaf linaf al-‘Abīd wa-Qam’ kull Jabbar ‘Anīd* turut mencatatkan beberapa riwayat tentang Surah Yūsuf. Antaranya beliau menyebut:

وَمِنْ حَوَاصِّهَا أَنْ مَنْ كَتَبَهَا وَلَمْ يَطْمَسْ مِنْهَا حَرْفًا وَاحِدًا، وَعَلَّقَهَا عَلَى الْمَرْأَةِ الْحَامِلِ؛ وَوَلَدَتْ وَوَلَدًا ذَكَرًا جَمِيلَ الصُّورَةِ سَعِيدًا مَعْصُومًا مِمَّا نَهَى اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ

Maksudnya: “Antara keistimewaannya ialah sesiapa yang menulisnya tanpa meninggalkan satu huruf pun, kemudian menggantungnya pada wanita hamil, nescaya dia akan melahirkan anak lelaki yang tampan, bahagia, dan terpelihara daripada maksiat”.

Selain itu, beliau turut menukilkan ayat:

﴿وَلَمَّا دَخَلُوا مِنْ حَيْثُ أَمَرَهُمْ أَبُوهُمْ مَا كَانَ يُغْنِي عَنْهُمْ مِنَ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا حَاجَةٌ فِي نَفْسِ يَعْقُوبَ فَضَاهَا ۚ وَإِنَّهُ لَدُوٌّ عَلِيمٌ لِمَا عَلَّمْنَاهُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ﴾
(Surah Yusuf, 12: 68)

Beliau melanjutkan kenyataannya berkenaan keistimewaan surah ini bahawa sesiapa yang mempunyai hajat, kemudian membaca ayat ini sebanyak tujuh kali ketika menuju kepada orang yang dimaksudkan, nescaya hajatnya akan ditunaikan (al-Dayrībī al-Azharī, t.t).

Kemudian, beliau turut memetik ayat lain daripada surah ini:

﴿فَلَمَّا دَخَلُوا عَلَىٰ يُوسُفَ آوَىٰ إِلَيْهِ أَبْوِيهِ وَقَالَ ادْخُلُوا مِصْرَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ آمِنِينَ (99) وَرَفَعَ أَبْوِيهِ عَلَى الْعَرْشِ وَخَرُّوا لَهُ سُجَّدًا ۖ وَقَالَ يَا أَبَتِ هَذَا تَأْوِيلُ رُؤْيَايَ مِنْ قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّي حَقًّا ۖ وَقَدْ أَحْسَنَ بِي إِذْ أَخْرَجَنِي مِنَ السِّجْنِ وَجَاءَ بِكُمْ مِنَ الْبَدْوِ مِنْ بَعْدِ أَنْ نَزَغَ الشَّيْطَانُ بَيْنِي وَبَيْنَ إِخْوَتِي ۚ إِنَّ رَبِّي لَطِيفٌ لِمَا يَشَاءُ ۚ إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ﴾
(Surah Yusuf, 12: 99-100)

Beliau mendakwa bahawa sesiapa yang dipenjarakan secara zalim dalam tempoh yang lama dan mempunyai musuh, kemudian menulis ayat-ayat ini,

menggantungnya pada lengan kanannya dan sering membacanya, nescaya dia akan dibebaskan dengan izin Allah SWT (al-Dayrībī al-Azharī, t.t).

Semua riwayat yang disebut oleh al-Yāfiī dan al-Dayrībī ini termasuk dalam kategori mujarrabāt (amalan berdasarkan pengalaman), namun hakikatnya ia sarat dengan unsur takalluf (pemaksaan tanpa sandaran syarak) dan tidak mempunyai asas yang sahih. Semua dakwaan tersebut adalah batil dan tertolak, malah menyalahi sunnah Nabi SAW. Justeru, menjadi kewajipan bagi setiap Muslim untuk menjauhkan diri daripadanya serta berhati-hati agar tidak terpengaruh dengan kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran Islam.

5. KESIMPULAN

Segala puji bagi Allah SWT yang telah memudahkan kajian ringkas ini disempurnakan berkenaan keutamaan dan *khawas* Surah Yusuf. Hasil daripada penelitian ini, beberapa dapatan penting dapat dirumuskan seperti berikut:

5.1. Keunikan Surah Yusuf

Surah ini memiliki keistimewaan tersendiri kerana memuatkan kisah Nabi Yusuf A.S. secara lengkap dan menyeluruh. Ia tidak mempunyai nama lain selain nama yang telah ditetapkan secara tawqīfi, dan dinamakan dengan Surah Yusuf kerana keseluruhan kandungannya berkisar tentang kisah baginda, yang tidak disebut secara lengkap dalam mana-mana surah lain dalam al-Quran.

5.2. Objektif dan Kandungan Utama Surah

Surah ini mengandungi pelbagai objektif dan pengajaran, antaranya menggalakkan manusia untuk mentadabbur serta merenungi ayat-ayat dan kisah-kisah yang diturunkan oleh Allah SWT, memperkukuh keimanan kepada-Nya, menyerahkan segala urusan kepada Allah dengan tawakkal yang sempurna, serta melatih diri agar reda terhadap qada' dan qadar-Nya dengan penuh keyakinan. Surah ini turut menyeru kepada tauhid, menolak syirik, serta menonjolkan akhlak mulia dan sifat terpuji yang dimiliki oleh Nabi Yusuf A.S.

5.3. Kedudukan Surah Yusuf dalam Keutamaan al-Quran

Antara kelebihan surah ini ialah ia di antara jenis surah-surah (المئين) sebagai ganti kepada kitab Zabur yang diturunkan kepada Nabi Daud A.S.

5.4. Keistimewaan (Khawas) Surah Yusuf

Antara keistimewaan surah ini ialah bacaannya menjadi penawar dan hiburan bagi mereka yang sedang berduka cita atau dirundung kesedihan.

Kandungannya merangkumi rahsia yang besar tentang keluasan selepas kesempitan dan kemudahan selepas kesusahan. Diriwayatkan bahawa sebahagian para sahabat R.A. gemar membaca surah ini, khususnya dalam solat Subuh, kerana ia memberikan ketenangan jiwa dan kekuatan rohani.

5.5. Penolakan terhadap Riwayat Lemah dan Unsur Khurafat

Dalam sebahagian sumber terdapat kisah dan kepercayaan yang dikaitkan dengan khawas Surah Yusuf, namun ia tidak disokong oleh hadis yang sahih. Oleh itu, umat Islam hendaklah menjauhi riwayat-riwayat yang tidak benar dan cukup berpegang kepada dalil-dalil yang sahih daripada Nabi SAW berhubung dengan kelebihan dan khawas surah ini.

Sebagai penutup, inilah antara dapatan penting hasil daripada kajian terhadap surah yang agung ini. Diharapkan ia menjadi satu khidmat kecil kepada al-Quran dan al-Sunnah.

6. PENGHARGAAN

Artikel ini dibawah geran penyelidikan yang bertajuk: Hadis-Hadis Berkaitan Dengan Fadail Dan Khawas Surah-Surah Al-Quran: Kajian Analisis Kritikal (USIM/DIKL/FPQS/ANTARABANGSA/44625) dibiayai oleh Dar Ibn Katheer Lebanon.

BIBLIOGRAPHY

Al-Quran al-Karim

al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn ibn ‘Alī ibn Mūsā. (2011/1432H). Al-Sunan al-Kubrā (Taḥqīq: ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī). Cairo: Markaz Hijr.

al-Dawsarī, Munīrah Muḥammad Nāṣir. (2008/1429H). Asmā’ Suwar al-Qur’ān wa Faḍā’iluhā. Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī.

al-Dīrabī, , Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Umar al-Azharī. (n.d.). Faḥ al-Malik al-Majīd al-Mu’allaf li Nafa’ al-‘Ibād wa Qam’ Kull Jabbar ‘Anīd. Cairo: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā.

al-Fairūzābādī, Majd al-Dīn Muḥammad ibn Ya’qūb. (2003/1424H). Al-Qāmūs al-Muḥīṭ (7th ed.). Beirut: Mu’assasat al-Risālah.

al-Ghawrī, Syed Abdul Majid al-Ghourī. (2024/1445H). Faḍā’il Sūrat al-Fātiḥah wa Khawāṣṣuhā: Dirāsah ḥadīthiyyah taḥlīliyyah. Beirut: Dār Ibn Kathīr.

al-Ghāfiqī, Muḥammad ibn ‘Abd al-Wāḥid ibn Ibrāhīm al-Andalusī. (1997/1418H). Lamḥāt al-Anwār wa Nafḥāt al-Azhār wa Rayy al-Zamān li Ma’rifat Mā Wurida Min al-Athār fī Thawāb Qārī’ al-Qur’ān (Taḥqīq: R. F. ‘A. al-Muṭṭalib). Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah.

Aḥmad bin Ḥanbal, (2008/1429H). Al-Musnad (Taḥqīq: Shu’ayb al-‘Arnā’ūṭ et al.). Beirut: Mu’assasat al-Risālah.

- al-Huwaymil, Turkī ibn Sa'd ibn Fahīd. (2008/1429H). *Khawāṣṣ al-Qur'ān al-Karīm: Dirāsah nazariyyah taḥbīqiyyah*. Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī.
- al-Mustaghfirī, Abū al-'Abbās Ja'far ibn Muḥammad al-Mustaghfirī. (2006/1427H). *Faḍā'il al-Qur'ān* (Taḥqīq: A. B. F. al-Sallūm). Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- al-Qarhdāghī, 'Alī Muḥyī al-Dīn. (2018). *Yūsuf 'alayhi al-salām Qudwah al-Muslimīn fī Ghayr Diyārihim*. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.
- al-Sa'dī, 'Abd al-Raḥmān ibn Nāṣir. (2000/1420H). *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Sakhāwī, Muḥammad ibn 'Abd al-Raḥmān al-Sakhāwī. (2003/1424H). *Faḥ al-mughīth bi sharḥ alfiyyat al-ḥadīth*. Cairo: Maktabat al-Sunnah.
- al-Ṣabūnī, Muḥammad 'Alī. (1981/1402H). *Ṣafwat al-Tafāsīr* (4th ed.). Beirut: Dār al-Qur'ān al-Karīm.
- al-Ṣan'ānī, 'Abd al-Razzāq al-Ṣan'ānī. (n.d./1390H). *Al-Muṣannaf*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Ṭawīl, Aḥmad ibn Aḥmad ibn Muḥammad 'Abd Allāh. (2013/1434H). *Muḥtawiyāt Suwar al-Qur'ān al-Karīm*. Riyadh: Madār al-Waṭan li al-Nashr.
- al-Yāfī'ī, Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin As'ad al-Yamanī. (1957/1377H). *Al-Durr al-Nazīm fī Khawāṣṣ al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Cairo: Maktabat Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- al-Zurqānī, Muḥammad Abd al-'Azim. (1943/1362H). *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (3rd ed.). Cairo: Maṭba'at 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibn 'Ashūr, dan Muḥammad al-Ṭāhir ibn 'Ashūr. (1984/1404H). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunis: al-Dār al-Tūnisiyyah.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar al-Dimashqī. (1998/1419H). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Ibn Manẓūr, Muḥammad ibn Mukarram al-Ifriqī. (n.d.). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ma'bad, Muhammad Ahmad Ma'bad. (1996/1417H). *Nafḥāt min 'Ulūm al-Qur'ān*. Cairo: Dār al-Salām.
- Mālik, Mālik bin Anas al-Aṣbahī al-Madanī. (1985/1406H). *Al-Muwattā'*. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī. Al-Naisābūrī, al-Ḥasan ibn Muḥammad. *Gharā'ib al-Qur'ān wa Raghā'ib al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1416H.